



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ADIGURU JUSOH BIN CHIN  
TOKOH SENI JIKEY**

**OLEH**

|                                  |                   |
|----------------------------------|-------------------|
| <b>NUR LIYANA BINTI RUSLAN</b>   | <b>2021899158</b> |
| <b>NUR SYAZA BINTI MOHD SAAD</b> | <b>2021822698</b> |
| <b>NURUL SYAZANA BINTI SABRI</b> | <b>2021859004</b> |

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT  
CAWANGAN KELANTAN BAGI MEMENUHI  
KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 - PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKTOBER 2023 - FEBRUARI 2024)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ADIGURU JUSOH BIN CHIN  
TOKOH SENI JIKEY**

**OLEH**

|                                  |                   |
|----------------------------------|-------------------|
| <b>NUR LIYANA BINTI RUSLAN</b>   | <b>2021899158</b> |
| <b>NUR SYAZA BINTI MOHD SAAD</b> | <b>2021822698</b> |
| <b>NURUL SYAZANA BINTI SABRI</b> | <b>2021859004</b> |

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT  
CAWANGAN KELANTAN BAGI MEMENUHI  
KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 - PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKTOBER 2023 - FEBRUARI 2024)**

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran ilahi kerana dengan izin-Nya dapat kami menyempurnakan tugas bagi subjek Dokumentasi Lisan (IMR604) ini dengan jayanya. Dengan kesempatan yang ada ini, kami amat berbesar hati untuk menghadiahkan jutaan terima kasih kepada Madam Nurulannisa Binti Abdullah, selaku Pensyarah kami kerana telah meletakkan sepenuh kepercayaan beliau kepada kami untuk melaksanakan tugas yang diberikan dan tidak putus-putus memberi tunjuk ajar kepada kami dalam usaha membantu menyempurnakan tugas ini.

Selain itu, kami turut berterima kasih kepada Encik Jusoh Bin Chin kerana telah meluangkan masa dan memberi kerjasama yang sangat baik sepanjang temubual kami bersama beliau dan banyak berkongsi pengalaman beliau bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugas ini dengan jayanya. Malah kami merasa bertuah kerana mendapat tokoh yang amat mudah didekati.

Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan seperjuangan yang lain atas sokongan dan pandangan secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang proses pembikinan transkrip ini selesai. Segala bantuan yang telah mereka hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan mereka semua tugas ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

Sekian, terima kasih.

# ABSTRAK

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini dilakukan bersama Encik Jusoh bin Chin atau dikenali sebagai Pak Choh. Beliau berasal daripada, Langkawi. Temubual ini telah dijalankan di rumah beliau di Langkawi, Kedah. Tarikh temubual tersebut adalah pada 17 November 2023. Encik Jusoh merupakan tokoh seni Jikey dimana beliau telah melibatkan diri dalam persembahan Jikey ini semenjak kecil lagi. Beliau aktif membuat persembahan hampir tiga dekad di antara tahun 1990 hingga 2017. Antara kumpulan yang pernah disertai Jusoh adalah Kumpulan Jikey Yooi, Kumpulan Jikey Kedawang 2, Kumpulan Jikey Mawat 2 dan Kumpulan Jikey Kedawang 3. Selain daripada pandai berlakon, beliau juga mahir dalam memainkan alat muzik berkaitan Jikey. Encik Jusoh pernah melibatkan diri dalam pementasan Jikey generasi baru bersama Persatuan Warisan Anak Inspirasi Seni pada tahun 2017 dan 2018. Beliau juga terlibat dalam sebuah dokumentari berkenaan Jikey bersama Langkawi UNESCO Global Park pada tahun 2020 malahan pada tahun 2022 pernah membuat persembahan di hadapan Temenggung Kedah sempena sambutan 15 tahun Langkawi sebagai UNESCO Geopark. Bagi menurunkan ilmu ini kepada generasi baru, Encik Jusoh telah mengadakan bengkel enam hari di Auditorium LADA Langkawi dan ia mendapat sokongan daripada Cultural Economic Development Agency (CENDANA). Pada tahun 2022 juga, Encik Jusoh telah mendapat Anugerah Adiguru daripada Akademi Seni dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).*

**Kata kunci:** *Jikey, persembahan, berlakon*

# ISI KANDUNGAN

## ISI KANDUNGAN

| TAJUK                                   | MUKA SURAT |
|---|------------|
| Penghargaan .....                       | i          |
| Isi Kandungan .....                     | ii         |
| Abstrak .....                           | iii        |
| Biodata Tokoh .....                     | iv         |
| Pengenalan .....                        | 1 - 9      |
| Transkrip                               |            |
| Bahagian 1 : Latar Belakang Tokoh ..... | 10 - 18    |
| Bahagian 2 : Kerjaya .....              | 19 - 40    |
| Bahagian 3 : Sumbangan / Cabaran .....  | 41 - 42    |
| Bahagian 4 : Harapan .....              | 43 - 46    |
| Lampiran                                |            |
| Log Wawancara .....                     | 47 - 54    |
| Diari Kajian .....                      | 55 - 58    |
| Senarai Soalan .....                    | 59 - 63    |
| Gambar .....                            | 64 - 65    |
| Sijil Penghargaan .....                 | 66 - 68    |
| Indeks .....                            | 69 - 76    |
| Surat Perjanjian .....                  | 77         |



# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



**Nama** : Jusoh Bin Chin

**Nama samaran** : Pak Choh

**Tarikh Lahir**

**Tempat Lahir** : Kedah

**Alamat** : Jangkawi, Kedah

**No. Telefon**

**Profesion** : Adiguru

**Bidang** : Seni Jikey

**Singkatan Nama/Akronim**

| <b>AKRONIM</b> | <b>NAMA PENUH</b>  |
|----------------|--|
| UNESCO         | United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization |
| CENDANA        | Cultural Economic Development Agency                             |
| ASWARA         | Akademi Seni dan Warisan Kebangsaan                              |

## RUJUKAN KATA

|             |                    |
|-------------|--------------------|
| Ayaq        | Air                |
| Ambik       | Ambil              |
| Anak Jantan | Lelaki             |
| Awat        | Kenapa             |
| Bangsai     | Bangsai            |
| Bawak       | Bawa               |
| Beghenti    | Berhenti           |
| Belajaq     | Belajar            |
| Berkelei    | Bergaduh/berkelahi |
| Berkenan    | Suka               |
| Besaq       | Besar              |
| Biaq        | Biar               |
| Bodo        | Bodoh              |
| Boh         | Letak              |
| Cabai       | Cili               |
| Calit       | Sapu               |
| Cagha       | Cara               |
| Ceghita     | Cerita             |
| Cerok       | Tempat             |
| Dak         | Tidak              |
| Depa        | Mereka             |
| Ghamai      | Ramai              |

|          |            |
|----------|------------|
| Gheti    | Reti       |
| Ghimau   | Harimau    |
| Habaq    | Beritahu   |
| Hampa    | Mereka     |
| Hang     | Kamu       |
| Hantaq   | Hantar     |
| Hat      | Yang       |
| Hembuih  | Hembus     |
| Jalah    | Sahaja lah |
| Kecik    | Kecil      |
| Keling   | India      |
| Kendughi | Kenduri    |
| Keluaq   | Keluar     |
| Ketaq    | Ketar      |
| Koi      | Makin      |
| Kuih     | Sapu       |
| Lagumana | Bagaimana  |
| Lagutu   | Begitu     |
| Lani     | Sekarang   |
| Latah    | Melatah    |
| Lepaih   | Lepas      |
| Luaih    | Luas       |
| Luaq     | Luar       |
| Maghah   | Marah      |

|           |               |
|-----------|---------------|
| Mai       | Mari          |
| Mampuih   | Mampus        |
| Mangkit   | Bangun        |
| Menatang  | Binatang      |
| Meninggai | Meninggal     |
| Nyoq      | Kelapa        |
| Oghang    | Orang         |
| Pasaipa   | Kenapa        |
| Peraya    | Mampu         |
| Pi        | Pergi         |
| Pukui     | Pukul         |
| Pupuih    | Pupus         |
| Ralit     | Leka          |
| Sapa      | Siapa         |
| Sat       | Sebentar      |
| Satgi     | Nanti         |
| Seghonok  | Seronok       |
| Sekupang  | Sepuluh sen   |
| Soghang   | Seorang       |
| Takpa     | Tidak mengapa |
| Tang      | Dekat         |
| Tau       | Tahu          |
| Taghik    | Tarik         |
| Takat     | Sekadar       |

|          |          |
|----------|----------|
| Teghiyak | Menangis |
| Teloq    | Telur    |
| Tembuih  | Tembus   |
| Umoq     | Umur     |

# PENGENALAN



## 1.1 PENDAHULUAN

Kajian sejarah lisan ini adalah hasil kerjasama berkumpulan untuk menceritakan sejarah, sumbangan dan pengalaman seorang adiguru Jikey iaitu Encik Jusoh bin Chin.

Adiguru Jusoh merupakan seorang veteran dalam bidang seni Jikey di Langkawi, Kedah. Beliau berkecimpung dalam seni Jikey ini sudah hampir tiga dekad lamanya. Beliau mula melibatkan diri dalam seni Jikey ini seawal umur 12 tahun dan masih lagi bermain Jikey sehingga sekarang.

Pada awalnya, adiguru jusoh memainkan watak Awang dalam persembahan seni Jikey. Setelah itu, pernah juga adiguru Jusoh membawa peranan sebagai seorang wanita dalam persembahan Jikey. Selain daripada pandai berlakon, adiguru Jusoh juga mahir memainkan alat muzik berkaitan Jikey sebagai contoh gendang.

Adiguru Jusoh telah mendapat banyak Anugerah dan penghargaan sepanjang berkecimpung dalam seni Jikey. Pada tahun 2022, adiguru Jusoh telah mendapat Anugerah Adiguru daripada Akademi Seni dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada zaman sekarang, seni Jikey ini semakin dilupakan dan malah ada anak muda yang tidak mengetahui apa itu Jikey sebenarnya. Jikey merupakan satu bentuk teater tradisional yang sering dimainkan di kalangan masyarakat yang tinggal di utara semenanjung Malaysia, khususnya di negeri Kedah dan Perlis.

Jikey diiktiraf sebagai bentuk seni tradisional. Terdapat dua jenis Jikey berbeza yang boleh didapati di Tanah Melayu. Ini dikenali sebagai Jikey Kedah dan Jikey Langkawi. Adalah dipercayai bahawa Jikey berasal dari India. Seni Jikey mendapat banyak sambutan pada tahun 1960-an dan terkenal kerana memasukkan elemen tempatan ke dalam persembahannya. Terdapat banyak unsur-unsur yang dilakukan di dalam

persembahan Jikey seperti nyanyian, tarian, dan lakonan yang menarik, yang dicampur dengan gurauan lucu. Persembahan Jikey turut dipengaruhi oleh elemen kesenian yang terdapat dalam persembahan MakYong, Hadrah, Bangsawan dan Mek Mulung.

Jikey juga biasa dilakukan di wilayah selatan Thailand, khususnya di wilayah Satun dan Phuket dan di rantau ini, Jikey dirujuk sebagai Likey. Jikey yang dipercayai sebagai "budaya rakyat" atau penceritaan rakyat dalam masyarakat tradisional dipersembahkan dalam bentuk teater bergerak dengan menggunakan cincin yang dicipta di atas tanah untuk memudahkan penonton melihat persembahan yang sedang dipentaskan. Sebaliknya, Jikey telah diubah sedikit dan kini dipersembahkan di pentas terbuka.

### 1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan bagi mengetahui dan mengkaji dengan lebih lanjut berkenaan pengalaman dan sejarah hidup seorang adiguru Jikey iaitu Encik Jusoh bin Chin. Beliau telah melalui fasa kehidupan yang penuh dengan cabaran sejak kecil dan berjaya diharungi dengan jayanya.

Sejarah warisan seni Jikey kurang mendapat perhatian masyarakat kerana kurang diberi pendedahan sepertimana warisan seni yang lain. Secara amnya, masyarakat Malaysia khususnya penduduk Kedah dan Perlis tidak mengetahui apakah itu seni Jikey sendiri. Kepakaran seperti bermain gendang dan juga cerek serta berlakon dan berlawak secara spontan ini hanya dimiliki dan diwarisi oleh orang lama yang telah lama menjinakkan diri dalam bidang seni Jikey atau teater tradisional ini sejak dari kecil lagi. Seni Jikey ini juga merupakan satu teater tradisional yang sudah jarang dipersembahkan di khalayak ramai. Masalah ini berlaku kerana seni Jikey ini memerlukan minat yang mendalam untuk mempelajari keseluruhan persembahan. Ini adalah untuk menarik minat penonton tertarik dengan penceritaan yang dilakonkan oleh pemain Jikey.

#### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian sejarah lisan dijalankan berdasarkan beberapa objektif yang telah ditetapkan iaitu:-

- a) Untuk mengetahui sejarah kehidupan tokoh yang membawa kepada kejayaannya
- b) Untuk mengetahui cabaran yang dihadapi oleh tokoh sepanjang pengalamannya sebagai adiguru Jikey dan sepanjang kerjayanya.
- c) Untuk mendokumentasikan sejarah dan sumbangan tokoh.

#### 1.5 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian adalah seperti di bawah:

1. Bolehkah encik menceritakan tentang kerjaya encik selepas tamat pengajian?
2. Apakah halangan yang encik hadapi semasa berlatih atau melakukan persembahan Jikey?
3. Apakah harapan encik terhadap anak muda dalam bidang seni Jikey ini?

Soalan yang diajukan merupakan tentang kehidupan beliau setelah tamat pengajiannya. Antaranya apakah pekerjaan yang beliau lakukan setelah tamat pengajian. Hal ini dapat kita ketahui sejarah hidup beliau dengan lebih mendalam

Selain itu, adiguru Jusoh juga ditanya mengenai halangan yang dihadapi oleh beliau semasa berlatih atau melakukan persembahan Jikey dan adakah halangan tersebut mematahkan semangat beliau ketika itu.

Di samping itu, kami juga ditanya tentang harapan beliau dalam seni Jikey pada masa kini dan apakah pandangan beliau tentang Jikey pada masa akan datang.

## 1.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Secara umumnya, kepentingan kajian dapat membantu memperkasakan lagi warisan seni Jikey kepada generasi muda sekaligus menjadikan warisan seni Jikey sebagai salah satu warisan turun temurun. Kepentingan ini dapat membantu memperkenalkan lagi seni Jikey dalam masyarakat muda zaman sekarang yang sudah semakin tidak mengambil tahu tentang seni warisan tradisional. Tambahan lagi, hasil dari kajian ini juga dapat membuka mata masyarakat Malaysia bahawa seni Jikey merupakan salah satu warisan seni teater tradisional di negeri Kedah dan juga Perlis.

Tambahan pula, hasil dari kajian ini juga dapat memberi pendedahan mengenai asal usul bagaimana sejarah Jikey ini berkembang. Dalam pada itu, generasi sekarang juga dapat mengetahui selok belok Jikey yang mengandungi lagu, nyanyian, tarian serta lakonan yang berunsurkan lawak. Seterusnya, persatuan yang berkaitan kebudayaan seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara perlu memelihara warisan seni ini dengan mencari tenaga pengajar profesional untuk mengajar generasi baharu bagi berkongsi ilmu atau kemahiran. Sebagai contoh, pihak kebudayaan menjalankan hari kebudayaan dan kesenian dengan mempersembahkan Jikey, sekaligus dapat memperkenalkan seni Jikey kepada orang ramai.

## 2.0 TINJAUAN LITERATUR

### 2.1 Definisi Jikey

Menurut Mohamed Nazreen Shahul Hamid (2018), Jikey ialah teater rakyat yang dipersembahkan dengan rangkuman muzik beragam, tarian dan dialog. Persembahan Jikey dijadikan medium hiburan, terutamanya dalam majlis kenduri atau menyambut keramaian seperti pesta dan perayaan rasmi. Oleh yang demikian, Jikey dianggap istimewa sama seperti kesenian Hadrah yang popular dalam kalangan masyarakat di Perlis. Tarikan utama Jikey sebagai persembahan yang sangat menghiburkan ialah dialog diungkapkan secara spontan dan ditokok tambah serta kemunculan watak pelawak yang menyelitkan unsur jenaka. Apa yang lebih menarik, ada antara dialog spontan dan jenaka yang diungkapkan itu mengandungi unsur sindiran dengan tujuan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kekhilafan diri dan keperluan untuk berubah ke arah kebaikan. Selain itu, Jikey juga merupakan platform untuk memupuk kemesraan dan persahabatan yang lebih erat, serta kerjasama dalam kalangan masyarakat.

Jikey juga dikenali dengan beberapa nama lain yang hampir sama bunyinya, iaitu Dikey dan Likay, yang dipercayai berasal dari India (Zuriya Zainol, 2010). Kajian Muhammad Khairul Hafiz Noor Hisham, Mohd Anuar Ramli dan Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar (2019) mendapati bahawa hasil seni masyarakat Melayu-Islam dapat dikaitkan dengan kearifan tempatan. Salah satu daripadanya ialah seni teater yang menggabungkan elemen lakonan (dialog pertuturan, gerak isyarat, mimik muka, emosi), muzik, nyanyian, tarian, bunyi-bunyian, unsur ritual, pencahayaan, set, props, kostum, tata rias dan unsur kekaguman pentas. Antara genre teater yang terkenal ialah Makyung, Wayang Kulit, Bangsawan, Menora, Mek Mulung dan Jikey. Kebanyakan estetika muziknya berkonsepkan alam sekeliling kerana kawasan rantau alam Melayu kaya dengan flora dan fauna. Karya seni yang dihasilkan berasaskan norma dan adat yang didukung oleh masyarakat untuk memperkukuh nilai sosial, agama dan kepercayaan.

Menurut Abd. Samat Salleh (2003), permainan Jikey di Langkawi dan Perlis mengandungi improvisasi, iaitu menampilkan watak atau adegan secara spontan. Watak, dialog dan aksi digarap tanpa menggunakan skrip yang formal, manakala latihan dilakukan tanpa rehearsal. Teater Jikey merupakan adunan teater Makyung, Menora dan Likey di Thailand. Secara asasnya, Jikey merupakan teater tradisional yang menggabungkan nyanyian, tarian dan lakonan. Dalam persembahan Jikey, penggunaan tirai mempunyai fungsi tertentu, iaitu untuk memberikan isyarat kepada pelakon (masa untuk keluar dan masuk), penyanyi (korus lagu) dan pemain muzik (bermain muzik). Dalam hubungan ini, improvisasi dipraktikkan semasa berdialog, lakuan fizikal, nyanyian dan tarian. Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff dan Zamzuriah Zahari (2020) telah menjalankan kajian tentang perubahan struktur persembahan dalam kesenian tradisional Mek Mulung di Kampung Wang Tepus, Kedah. Kajian yang dilakukan pada 2009 hingga 2019 ini menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual berfokus dengan melibatkan empat orang informan yang berumur antara 55 tahun hingga 72 tahun. Data dianalisis dengan menggunakan Teori Perubahan yang dikemukakan oleh William F. Ogburn pada 1964. Hasil kajian menunjukkan bahawa perubahan persembahan melibatkan tiga struktur, iaitu pra persembahan, semasa persembahan dan selepas persembahan. Sebagai contoh, upacara ritual Buka Panggung yang menggunakan bacaan mantera telah diubah kepada bacaan doa.

## 2.2 Sejarah Jikey

Terdapat beberapa saranan bagaimana Jikey bermula. Ada keterangan mengatakan bahawa Jikey dimulakan oleh orang-orang miskin yang memerlukan wang untuk kembali ke negeri mereka. Justeru itu, mereka terpaksa mengadakan satu permainan untuk mengumpul wang yang diperlukan.

Keterangan kedua mengisahkan tentang sekumpulan peniaga yang berlayar ditangkap kerana tidak mempunyai surat kebenaran berniaga. Mereka dipenjara

dan memohon belas kasihan raja untuk dilepaskan. Raja kemudiannya memberikan nobat, gendang dan alat-alat lain untuk mereka berlatih di kawasan penjara. Kumpulan peniaga itu menamakan persembahan mereka sebagai Jikey. Mereka Berjaya menghiburkan raja lalu mereka dibebaskan.

Manakala keterangan ketiga pula menyebutkan bahawa Jikey berasal dari India. Disebabkan itulah dalam setiap permainan Jikey terdapat seorang watak dari India. Dikatakan bahawa seorang lelaki India yang berniaga di Tanah Melayu bersama isterinya mahu pulang ke negara asal. Namun, kapal mereka dirampas dan pasangan itu dipenjarakan kerana tidak membayar cukai. Untuk mendapatkan wang, raja negeri itu telah memerintahkan pasangan itu agar menari dan membuat lakonan. Ketiga-tiga keterangan di atas mempunyai satu motif yang sama yakni bagaimana sekumpulan manusia terpaksa berlakon untuk mendapatkan wang tebusan.

### 3.0 METODOLOGI

#### 3.1 Pendekatan Kajian

Kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ini adalah berdasarkan temu bual berkenaan pengalaman dan pengetahuan tokoh yang dipilih. Selain itu, terdapat juga kajian yang dibuat daripada hasil kajian yang telah dibuat sebagai informasi tambahan yang berkenaan dengan seni Jikey. Sejarah lisan adalah sumber sejarah yang datanya diperolehi secara lisan atau temu bual dari seorang tokoh. Tokoh terpilih biasanya terdiri daripada mereka yang menyumbangkan maklumat sejarah dari segi penglibatan dan pengalaman mereka sendiri atau hubungan mereka dengan watak, waktu atau peristiwa.

### 3.2 Peserta Kajian

Tokoh yang dipilih ialah Encik Jusoh Bin Chin atau turut dikenali sebagai Pak Choh dalam kalangan masyarakat tempatan. Encik Jusoh merupakan seorang anak Jati negeri Kedah yang berasal daripada Kampung Bukit Nau, Langkawi dan kini berusia 85 tahun. Beliau merupakan seorang adiguru dalam bidang seni Jikey dimana seni Jikey ini terkenal dalam kalangan penduduk utara semenanjung khususnya di negeri Kedah dan Perlis. Encik Jusoh juga merupakan seorang yang berpengalaman dalam melakukan persembahan Jikey hampir tiga dekad di antara tahun 1990 hingga 2017.

Encik Jusoh telah melibatkan diri dalam persembahan Jikey semenjak kecil lagi. Pada mulanya, beliau tidak berapa minat dengan Jikey tetapi disebabkan dorongan daripada bapa dan datuk saudara beliau, Encik Jusoh cuba untuk meminati Jikey. Semasa berusia 12 tahun, Encik Jusoh telah menyertai Kumpulan 1 Jikey Kedawang dan menerima didikan daripada Said Ibrahim. Antara kumpulan yang pernah disertai Encik Jusoh adalah Kumpulan Jikey Yooi, Kumpulan Jikey Kedawang 2, Kumpulan Jikey Mawat 2 dan Kumpulan Jikey Kedawang 3. Selain daripada pandai berlakon, Encik Jusoh juga mahir dalam memajukan alat muzik berkaitan Jikey dimana ia digunakan sebagai muzik latar dan juga mengiringi nyanyian serta sebagai pengenalan watak tertentu berdasarkan jenis bunyi yang dimainkan.

Encik Jusoh juga terlibat dalam sebuah dokumentari berkenaan Jikey bersama Langkawi UNESCO Global Park pada tahun 2020 malahan pada tahun 2022, beliau pernah membuat persembahan di hadapan Temenggung Kedah sempena sambutan 15 tahun Langkawi sebagai UNESCO Geopark. Bagi menurunkan ilmu Jikey ini kepada generasi baru, Encik Jusoh bersama seorang rakannya iaitu Bibun Bin Arshad telah mengadakan Bengkel Bersama Adiguru Jikey selama enam hari di Auditorium LADA Langkawi dan mereka telah mendapat sokongan daripada Cultural Economic Development Agency (CENDANA). Pada tahun 2022 juga, Encik Jusoh telah mendapat Anugerah



Adiguru daripada Akademi Seni dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Beliau juga turut memberikan kerjasama dan sudi untuk ditemu bual secara bersemuka bersama penyelidik.

### 3.3 Prosedur Pengumpulan Kajian

Kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif dengan menemu bual seorang tokoh yang telah dipilih. Dalam pada itu, kajian ini juga menggunakan setiap sumber yang diperolehi daripada laman sesawang dan juga artikel yang berkaitan sebagai panduan dan idea mengenai kemahiran yang diamalkan oleh tokoh.

Pengkaji menjalankan kajian ini dengan menemu bual secara bersemuka bersama Encik Jusoh bin Chin yang bertempat di kediaman beliau di Langkawi, Kedah. Pengkaji dapat menemu bual Encik Jusoh melalui anak perempuan beliau iaitu Cik Aswani untuk mendapatkan persetujuan beliau untuk ditemu bual. Proses temu bual dijalankan secara bersemuka di mana pengkaji merakam temu bual dengan menggunakan dua kaedah iaitu rakaman suara sahaja dan juga rakaman video. Rakaman ini telah dijalankan dengan mengambil masa selama dua jam.

# TRANSKRIP

## TRANSKRIP

### Sesi Pertama

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni Jikey. Bersama-sama kami ialah Encik Jusoh Bin Chin yang merupakan seorang tokoh adiguru seni Jikey. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 17 November 2023 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 9 pagi bertempat di kediaman beliau di Ayer Hangat, Langkawi. Temubual ini dikendalikan oleh Nurul Syazana Binti Sabri dan bersama dua orang rakan saya iaitu Nur Syaza Binti Mohd Saad dan Nur Liyana Binti Ruslan. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

JC: Encik Jusoh Bin Chin

IJC : Isteri Encik Jusoh

NSS: Nurul Syazana Sabri

SS: Nur Syaza Mohd Saad

NL: Nur Liyana Ruslan

### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

**NSS : Siapakah nama penuh encik?**

JC : Nama penuh? Nama saya Jusoh Chin. Jusoh Bin Chin.

**NSS : Adakah encik mempunyai nama samaran?**

JC: : Nama tu jugak Pak Choh.

NSS : **Bilakah encik dilahirkan?**

JC : Tak ingat dah. Tu lah, umoq (umur) pon la ni dok ada 80 berapa...84, 5.

NSS : **Dimanakah encik dilahirkan?**

JC : Lahir saya? Di .

NSS : **Dimanakah encik dibesarkan?**

JC : Dibesarkan pun disana juga.

NSS : **Dimanakah encik menetap sekarang?**

JC : Duduk tetap dah la kat (di) sini

NSS : **Apakah aktiviti yang encik sering lakukan pada waktu lapang?**

JC : Selalu? Saya ni sejak daripada dulu sampai ke la (sekarang) lah dok rehat, dok panjat pokok nyoq (pokok kelapa) saja.

NSS : **Apakah cita-cita yang encik impikan ketika encik masih kecil sebelum menjadi seorang adiguru jikey?**

JC

:

Takdak (tiada) cita-cita apa. Masa kecik (kecil) dulu, umoaq (umur) 10 tahun masuk ni bahagian hadrah. Pegheli (Perlis) panggil nopei, sini panggil hadrah. Dah tu masuk semua. Oghang (orang) ni macam tok haji, tok lebai pon suka masuk lah. Yang tu bukan kata apa, dia cuma berzikiaq (berzikir). Macam oghang (orang) berzikiaq (berzikir) ni la, di kendughi-kendughi ni (kenduri). Ha lagutu (macam tu) saja. Bahagian berghendoi (berendoi), maulud (Hari Maulidur Rasul) ha, hattu (yang tu) ja (sahaja) dulu. Pada tu saya beghenti (berhenti) sampai umoaq (umur) 10 tahun saya beghenti (berhenti), beghenti (berhenti) main tu lah. Saya beghenti (berhenti) boleh berkelei (bergaduh) dengan kawan. Haa... saya pelik, berkelei (bergaduh), maghah (marah), soghang (seorang) kawan tu, saya tak masuk dah. Saya keluaq (keluar) saya tak masuk dah, ketua pi ambik pon takmau (tak mahu). Saya laghi-laghi (lari) tu, saya pi masuk di mana masuk Kedawang (nama tempat), masuk ni, masuk seni budaya Jikey ni ha main di Kedawang. Pi (pergi) Kedawang, masuk malam yang kedua, kawan tanya “hang (awak) mau (nak) main Jikey?” kata “aku nak main lagu mana (macam mana)? Nak cakap pon tak gheti (pandai), nyanyi pon tak gheti (pandai)”. Takpa dia kata, aku ajaq (ajar). La (sekarang) kita jadi lawak. Takpa boleh. Ha tu main. Main-main lawak malam tu, jadi oghang (orang) soghak (bersorak) la kita budak. Dok satu hagh (hari), esok tu, pi ghumah (rumah) ketua. Ketua nama Tok In Ghabak oghang (orang) panggil, pompuan dia (isteri) nama Tok Chik, anak dia nama Mek Ija oghang (orang) panggil. Tok Chik tu la “Jusoh, Jusoh”, “Ya”, “sat ni kak hang suruh pi (pergi) sat dia kata kat ghumah (rumah)”. “Pi buat apa la Tok Chik?”, “Hang pi (pergi) la di kata, ni kak Ija hang (awak) nak buat apa, nak sepak ka apa muka hang (awak)”. Ha! Oghang (orang) tua tu lawak. Pi (pergi) la. Pi, pi “Assalamualaikum”. “Walaikumussalam, ha naik adik”. Kata “Awat ni kak Ija suruh mai (datang) buat apa?”. “Hang pi bukak beg tu.” dia kata. “Buka buat apa kak?”. “Hang pi buka la”. Buka buka beg kain baju pompuan (perempuan) ha. Dia kata “Hang (awak) kelas (pilih)

tengok yang mana hang (awak) berkenan (suka)". Saya pun bodo (bodoh) kelas (pilih) pi la, kelas-kelas ada hat (yang) kuning saja yang berkenan (suka). Takpa dia kata. "Malam ni hang takleh main lawak" dia kata. "Awat (kenapa)?" "Takdak bahagian hang (awak), la aku nak bagi pakai hat (yang) ni malam ni". Pakai pakaian pompuan (perempuan) pi (pergi) main. Main-main tu sampai Tok Chik tu mati, meninggal dunia, Tok In pun meninggal. Jadi la (sekarang) ni habis berkoceh, ha beghenti (berhenti) habis. Balik - balik pak tanya, arwah pak. Pak kata "Hang main tu, hang kenai dak kawan-kawan dok main". "Kenai la" kata "Tok Bagop, Tok In Ghabak". Taktau kata sapa (siapa) lagi. Ha tu arwah pak kata "Hang beringat nah, hang main tu, oghang (orang) boleh sepak hang tu". Kata "Pasaipa (kenapa) bukan aku buat jahat". "Tok In tu tok menekan (saudara) hang (awak), Tok Bagop tu abang sepupu hang (awak). Hang beringat noh" dia kata. "Hang panggil Cu Bagop kat dia". Tu dia yang saya boleh main. Main, main tu sampai masa la (sekarang) lah. Ish taktau (tak tahu) lagu (macam) mana. Sejak daripada umoq (umur) dua belas [12] tahun sampai ke la (sekarang) tak berghaya (boleh) nak laghi (lari) mana. Dulu sapa besa (biasa) pi (pergi) dok di Kuala Lumpur hotel 7 hari 7 malam saya dok situ (ketawa). Kawan-kawan balik, Tok Chan balik, ni Shuhot oghang (orang) budak Kuah balik. Shuhot tu dia dok gheja (kerja) tukang kebun. Tok Chan tu dia dok gheja (kerja) pak guard (pengawal keselamatan). Depa (mereka) minta cuti saghi (sehari) depa (mereka) kena balik. Kami duduk 7 hari 7 malam. Tu dia lah lama sat.

**NSS : Siapakah nama ibu bapa encik?**

**JC : Pak saya? Pak saya nama**

**NSS : Ibu bapa encik berasal dari mana?**

JC : Mak pak saya asai (asal) dari

**NSS : Apakah pekerjaan ibu bapa encik?**

JC : Pak saya dok buat nyoq nira (kelapa nira) saja. Masa Jepun (zaman penjajahan Jepun) pak buat gula seghoi (kering) dengan gula nyoq (kelapa) tu dengan nira tu.

**NSS : Encik mempunyai berapa adik beradik?**

JC : Dengan ibu saya, saya soghang (seorang) ja. Anak tunggal. Dengan bapak ada 5 yang tu mak lain semua (ketawa). Bukan satu ibu. Ibu saya satu saja, saya ha.

**NSS : Encik anak keberapa?**

JC : Anak tunggal.

**NSS : Siapakah nama isteri encik?**

JC : Yang ni? Roshani Mat Hasan.

**NSS : Pada tahun berapakah encik mendirikan rumah tangga?**

JC : Tak ingat dah haih (ketawa).

**NSS : Berapakah bilangan anak encik?**

JC : Anak ha? Dok ada dengan makcik dua, bini nu (dulu) dua. Empat oghang (orang) (ketawa).

**NSS : Adakah anak-anak encik sudah berkahwin semuanya?**

JC : Ada yang kahwin, soghang (seorang) bujang lagi.

**NSS : Adakah encik sudah mempunyai cucu sekarang?**

JC : Ish cucu taktau nak bilang (kira) (ketawa). Dah banyak.

**NSS : Bolehkah encik ceritakan tentang cara didikan dan asuhan yang diberikan oleh ibu dan ayah kepada encik dan adik beradik?**

JC : Ajaq (ajar) saya tu takdak la. Saya tu kalau oghang (orang) ajak tu teruk gak (jugak) la. Batang kapak pon kena. Pak saya bukan cengei (garang), tapi batang kapak pon kena. Yang tu saja boleh habaq (beritahu), lain saya toksah (tidak perlu) habaq (beritahu).

**NSS : Siapakah yang tinggal bersama encik sekarang?**

JC : Tinggal ni lah dengan makcik dengan anak la.

**NSS : Pada tahun berapakah encik mula bersekolah?**



JC : Sekolah dulu? Saya masuk dan (sempat) sebulan saja, darjah satu. Zaman pak Jepun. Ha tudia nak habaq (beritahu). Masuk-masuk sekolah tak pi (pergi) dah sekolah takut Jepun. Pasai (sebab) saya tengok dengan mata sendighi (sendiri), kami dok tepi jalan, dia cabut-cabut pedang cantas sedaih (sekali) ja putuih (putus) tengkuk (leher) jatuh kepala. Saya takut tu la laghi (lari) teruih (terus) [ketawa]. Tak pi (pergi) dah sekolah. Sekolah dulu dia bukan ada macam simen lagu (seperti) la. Takdak. Pakai dinding pelepuh ja buluh ja dulu. Takdan belajaq (belajar) apa [ketawa]. Kira oghang (orang) ni merdeka, saya dok serkap ikan kat Padang Mat Sirat tu. dia habaq (beritahu) dengan kapal terbang. Pompuan-pompuan (perempuan) laghi (lari) pada tu duduk menyorok dalam padi. Ha, sapa (siapa) tak terkejut ni dok bercakap kot (dekat) ataih (atas) tu.

NSS : **Dimanakah encik bersekolah rendah?**

JC : Sekolah saya di Padang Mat Sirat masa tu.

NSS : **Dimanakah encik bersekolah menengah?**

JC : Takdak. Dah sekolah rendah sebulan ja.

NSS : **Adakah encik melanjutkan pelajaran selepas sekolah menengah?**

JC : Takdak takdak.

NSS : **Bagaimanakah kehidupan encik ketika di bangku sekolah?**

JC : Macam saya cakap tadi la. Pi (pergi) sekolah pon sebulan ja. Takdan (tak

sempat) nak belajaq (belajar) apa pon. Sebab masa tu zaman Jepun, nak keluaq (keluar) ghumah (rumah) pon takut. Lepas sebulan tu saya dah tak pi (pergi) sekolah.

**NSS : Apakah antara langkah yang encik hadapi sewaktu mendapatkan pendidikan pada waktu tersebut?**

JC : Masa tu belajaq (belajar) tak macam la (sekarang) ni. Dulu nak pi (pergi) sekolah pon takut-takut sebab takut terjumpa dengan askar Jepun. Dulu nak belajaq (belajar) pon susah. Pi (sekolah) jalan kaki ja, gheghek (basikal) pon takdak (tiada). Kalau sapa (siapa) ada gheghek (basikal) tu dah kira kaya la dia masa tu.

**NSS : Bolehkah encik ceritakan pengorbanan yang dilakukan oleh ibu dan ayah ketika encik dan adik beradik melanjutkan pelajaran?**

JC : Dulu nak bagi apa? Dulu bagi dua kupang (20 sen) pon cukup [ketawa]. Kuih sebiji seduit (1 sen) [ketawa]. Tengok la mak bagi sekupang (10 sen) tu boleh makan sampai empat [4] oghang (orang) kawan [ketawa].

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## BAHAGIAN 2: KERJAYA

SS : **Bolehkah encik menceritakan tentang kerjaya encik selepas tamat pengajian?**

JC : Lepaih (lepas) sekolah ? lepaih (lepas) sekolah takdak (tiada) gheja (kerja) apa, naik nyoq (pokok kelapa) tu (itu) lah.

IJC : Umoq (umur) dua belas [12] naik nyoq (pokok kelapa) dah. Mak meningga (meninggal dunia) umoq (umur) berapa? Tiga belas [13] ?

JC : Tak sampai. Dalam enam puluh tahun [60] tahun dah meningga (meninggal dunia) pi (pergi) cari ikan di Pantai Chenang nu (sana) ikan belat dulu ni, jalan kaki mak nak makan. Balik-balik mai sampai tang (dekat) Padang Wahid, abang pupu ni habaq (beritahu) "Hang (kamu) nak berebut balik buat apa adik oi" dia kata," Awat (kenapa) bang (abang) ? "mak hang (kamu) takdak (tiada) dah" jatuh terlepok (terduduk) ikan-ikan penuh pasir padan muka hampa (kalian) ha dah habaq (beritahu) mak takdak (tiada) kita pun ambik (ambil) ikan balik, hang (kamu) jangan teriak (menangis) ha takpa (tidak mengapa) balik pi (pergi) ikan gerut, ikan pari sekoq (seekor) ha kan penat balik jalan kaki dari Pantai Chenang nu (sana) balik mai.

SS : **Dimanakah tempat pertama encik mula bekerja?**

JC : Padang Wahid la, di Padang Wahid, naik nyoq (pokok kelapa) la

SS : **Adakah encik pernah melibatkan diri dalam bidang seni di usia muda?**

JC : Masa umoaq (umur) dua belas [12] tu (itu) lah . Muda tara (setakat) tu (itu) lah.

SS : **Bolehkah encik menceritakan tentang apa itu Jikey?**

JC : Jikey ni, yang kata Jikey ni dia cakap muka bangsal *takat* (sekadar) panggil lin ja. Bangkit (bangun) kelin (keling) keluaq (keluar) kelin (keeling) habis panggil perempuan dia balik-balik tu habih (habis) pusing. Cerita pulak dia buat macam sandiwara ha tajuk dia. Ha kita nak buat cerita apa cerita pasai (tentang) *king* (raja) ka, cerita orang penyegan (pemalas) ka sama-sama bangsa, orang juai (jual) kuih ka boleh belaka nak kata ha tu kata jikey (bunyi kereta) tu bukan kata jikey gelema takdak (tiada) main jikey *ni* (ini) takat (sekadar) kelin (keeling) saja (bunyi kereta) habih (habis) kelin (keling) dengan orang perempuan dia balik habis bayaq (bayar) habis kelin (keling) Jikey. Cuma bab cerita tu macam main sindawara yang tu (itu) saja. Hat (yang) orang duk kata Jikey Jikey takat (sekadar) kelin (keling) jala (sahaja) yang tu (itu) lah yang depa (mereka) duk (sedang) main la la (sekarang) ni (ini) main di hotel-hotel takat (sekadar) Jikey saja. Takat (sekadar) Jikey saja depa (mereka) boleh main lain depa (mereka) tak boleh pi (pergi) tapi habih-habih (habis-habis) penutup pun depa (mereka) tak boleh buat, telipon (telefon) mai (mari) dekat Wani, Wani kata ayah kena buat ni hatni (yang ini) bang (abang) syon mintak (minta) pala hotak sungguh kata, bagi dia tulih tulih (tulih) dia hantaq (hantar) pi (pergi) tu syon tu dia la mula-mula dulu saya pi main di mana main di Jitra adik di ni

